

25/09/2000

Ghaffar dicadang terima anugerah KPM

SUBANG JAYA, Ahad - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghaffar Baba adalah antara beberapa tokoh lama negara yang dicadangkan untuk menerima penghargaan dari Kelab Prihatin Malaysia (KPM) sempena 'Malam Negerawan Prihatin 2000' pada 15 November ini.

Selain Ghaffar, nama tokoh seperti Profesor Diraja Ungku Aziz dan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar adalah antara nama yang dicadangkan untuk 30 penghargaan yang disediakan KPM bagi mereka yang berusia 65 tahun ke atas.

Presiden KPM, Roslan Abdul Ghani berkata, majlis itu diadakan bagi menyedarkan pemimpin muda agar tidak melupakan asal usul negara.

"Kami bercadang menjemput tokoh negara mewakili pelbagai bidang seperti Ungku Aziz, Tun Ghaffar dan Tun Hamid" katanya selepas majlis pelancaran program sosio-kemasyarakatan KPM di Kompleks beli-belah The Summit, di sini, hari ini.

Hadir untuk melancarkan program hari ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Embrin Buang yang mewakili Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo.

Embrin, dalam ucapannya berkata, program yang mensasarkan untuk melahirkan masyarakat prihatin itu bertujuan menyeimbangkan gejala negatif yang didedahkan kepada masyarakat negara ini berikutan proses globalisasi.

Kira-kira 20 ahli PKM hadir hari ini bagi membacakan ikrar kesetiaan PKM dan menyerahkan ikrar itu kepada Embrin untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kelab itu boleh dihubungi di talian 03-26918967 atau faks 03-26948057.

(END)